






Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan




Sari Pustaka



Sari Pustaka
Bil 2/2011

ULASAN BUKU



ABD. RAHMAN ABD. HAMID, DATO' SRI
Kejayaan tanpa noktah
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
115ms.
ISBN 978-983-46-0783-8

ULASAN

Kejayaan Tanpa Noktah ditulis sebagai kesinambungan daripada buku yang bertajuk Mengurus Masa Depan: Jadikan Impian Suatu Realiti (2011) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penulis buku ini, YBhg Dato' Sri Haji Abd. Rahman Abd. Hamid cuba mengupas betapa sukarnya mengejar kejayaan. Walaupun terdapat banyak teori dan pendekatan untuk mencari sesuatu kejayaan, tetapi pada akhirnya manusia perlu tunduk kepada kekuasaan dan ketentuan Allah. Allah yang menentukan siapa, bila dan bagaimana kejayaan itu diberikan kepada insan yang dipilih-Nya.

Penulis berpendapat mengubah nasib diri bermaksud meneruskan usaha mencari kejayaan dan tidak ada noktah selepas kejayaan dicapai. Sesuai dengan fitrah manusia yang tidak pernah berasa puas dalam semua perkara, maka penulis berpendapat, Allah tidak melarang manusia untuk meneruskan keinginannya untuk mencipta kejayaan demi kejayaan dalam kehidupannya. Namun untuk mencapai

kejayaan, manusia perlu berusaha untuk mencari ramuannya. Dalam hal ini, penulis menyentuh beberapa perkara penting yang perlu dilakukan oleh seseorang atau sesebuah organisasi apabila ingin melakar kejayaan seterusnya.

Apa yang menarik mengenai isi kandungan buku ini ialah penulis mengajak pembaca menghayati satu Kajian Kes: Cerita "Ayam Togel" yang selalu penulis gunakan untuk menggambarkan kegigihan dan kepayahan yang sanggup dilalui oleh seseorang dengan tabah, lalu akhirnya menjadikan dirinya cukup bersedia untuk mengecapi kejayaan demi kejayaan dalam hidup sebagai cabaran untuk melangkah ke hadapan bagi mencapai kejayaan yang sebenar.

Satu lagi perkara yang menarik yang cuba dipaparkan oleh penulis adalah bagaimana Jabatan Kastam Diraja Malaysia, agensi di mana penulis mengakhiri kerjayanya dengan cemerlang sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia dijadikan sebagai contoh dan model organisasi sektor awam yang awal menyediakan Pelan Pembangunan Pekerja Kolar Emas yang bertujuan untuk melahirkan ramai pegawai muda yang mempunyai latar belakang akademik yang tinggi (Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah) serta menunjukkan prestasi kerja cemerlang, menjadi pakar dalam bidang kerjaya masing-masing dan menjadi calon pemimpin pelapis organisasi pada masa hadapan.

Pada bab terakhir, penulis menyentuh serba sedikit mengenai perlunya kita memahami rahsia kehidupan di dunia ini. Kejayaan adalah satu amanah daripada Allah dan memiliki kejayaan tidak membawa erti sekiranya kejayaan menjadikan seseorang itu angkuh dan sompong. Lebih mengharukan lagi jika kejayaan menjadikan manusia semakin jauh daripada Tuhan.

Pada pendapat penulis juga, empat dimensi utama iaitu Kecemerlangan Fizikal, Kecemerlangan Emosi, Kecemerlangan Rohani dan Kecemerlangan Intelektual merupakan elemen penting yang dapat membantu mengangkat diri seseorang menjadi insan terpilih, yang disukai oleh manusia dan dikasihi oleh Allah SWT, sesuai dengan catatan penulis yang perlu kita hayati pada awal mukasurat buku ini, "Melakar kejayaan adalah seperti pendakian yang tiada puncaknya. Selepas satu

kejayaan, ada pendakian lain yang perlu diteruskan. Setiap pendakian ada cabaran dan setiap cabaran ada pembelajarannya. Pembelajaran adalah kejayaan yang amat berharga kerana pembelajaran memungkinkan kita menemui puncak kejayaan yang hakiki”.


Pengulas:

Suharti Yusof

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MUHAMMAD SYAARI ABDUL RAHMAN
Kuasa kepemimpinan al-Fateh

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2010. 197ms.
ISBN 9789675564253

ULASAN

Secara umumnya kejatuhan Kota Kostantinopel sudah dijangkakan oleh Nabi Muhammad SAW ketika Baginda ditanya mengenai dua buah kota, iaitu Konstantinopel dan Rom. Baginda menjawab persoalan itu dengan menyatakan bahawa Kota Heraklius akan dikuasai oleh sebaik-baik pemimpin dan sebaik-baik tentera Islam. Kostantinopel adalah merupakan sebuah kota atau kubu kuat Kerajaan Rom Byzantine timur yang melambangkan kemegahan dan kekuasaan Empayar Rom Byzantine di Asia Timur.

Apa yang menarik perhatian saya mengenai buku ini adalah gaya kreativiti penulis yang bukan sahaja memainkan peranan yang amat baik dalam pengolahan bahan-bahan mengikut kronologi tanpa meninggalkan fakta-fakta yang penting keperihalan Sultan Muhammad Al-Fateh yang amat jarang diketahui oleh masyarakat umum. Penulis juga mahir menyusun gaya penceritaan yang menarik dan setiap penghujahan disokong dengan fakta-fakta ilmiah daripada sumber-sumber rujukan mengenai

keperihalan tokoh yang ditulis. Setiap isi dan fakta dianalisis dengan menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan menarik. Kaedah yang digunakan oleh penulis adalah tidak terikat dengan pendekatan penulisan buku-buku sejarah yang bersifat kronologi ataupun aturan cerita sehingga keadaan menjadi semakin mendebaran. Dengan penggunaan gambarajah, peta serta ilustrasi, penulis juga memparkan kemahirannya dengan menggunakan sumber-sumber alternatif dan bahan bantu yang tepat bagi menjadikan setiap plot buku ini menarik untuk dibaca.

Penulis bijak menceritakan usaha-usaha yang dijalankan oleh tentera Islam untuk menawan Konstantinopel yang bermula dengan Khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan sehingga Sultan Muhammad Al-Fateh. Penulis mendekati lebih dekat segenap sudut karakter kepemimpinan yang ada pada anak muda berusia 22 tahun ketika melakukan misi menawan Konstantinopel yang dianggap misi paling mencabar dalam sejarah Islam.

Jika dikaji dengan lebih teliti dan mendalam, buku ini menerangkan 12 sifat atau kuasa kepimpinan Muhammad Al-Fateh yang diamalkan oleh beliau dan tenteranya sehingga berjaya menawan Konstantinopel. Penulis berjaya mengolah buku ini dengan amat baik sekali, di mana setiap elemen yang terkandung di dalam 12 kuasa kepemimpinan Al-Fateh diuraikan secara terperinci dan mendalam. Antara elemen yang penting berjaya dicungkil oleh penulis adalah model pentadbiran, kepimpinan, kesetiaan, pemikiran strategik, kerja berpasukan, kuasa diplomasi, iman, takwa, jihad, bahasa dan sistem pendidikan yang komprehensif.

Penulis juga mengulas mengenai elemen pemikiran strategik Al-Fateh di dalam usaha beliau untuk menawan Konstantinopel. Elemen ini menggambarkan Muhammad Al-Fateh mengatasi kelebihan yang ada pada Kubu Konstantinopel yang mustahil untuk dirobohkan. Penulis juga menghuraikan langkah-langkah yang diambil Muhammad Al-Fateh dalam menganalisa setiap cabaran dan halangan yang akan dihadapinya. Hasil didikan yang kemas dan seimbang daripada sudut kecerdasan Intelektual (IQ), emosional (EQ) dan spiritual yang tinggi (SQ) serta ketakwaan kepada Allah, menyebabkan beliau mampu merangka pelbagai strategi dan mengemukakan pelbagai penyelesaian masalah dan menjadikan beliau seorang pemimpin yang

berstatus minda kelas pertama. Ini jelas dapat dibuktikan dengan penghasilan strategi-strategi yang tidak dapat dijangkakan oleh pihak musuh.

Di samping itu juga pemilihan judul buku ini Kuasa Kepimpinan Al-Fateh kepada Kuasa Kepemimpinan Al-Fateh oleh penulis buku ini amat sesuai sekali. Ini kerana kepimpinan adalah merujuk kepada posisi di dalam sesebuah organisasi manakala kepemimpinan adalah merupakan sebuah proses pembelajaran untuk menjadikan manusia berpengaruh, sama ada memegang jawatan ataupun sebaliknya. Pemilihan judul buku ini juga amat sesuai dengan tema buku ini yang mahu membongkar sejarah perjalanan hidup Muhammad Al-Fateh sehingga menjadi seorang tokoh penakluk Islam yang unggul dan luar biasa pencapaiannya.

Pengulas:

Mohd Khoddri Ramli


Penolong Pegawai Perpustakaan

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZULNAIDI YAACOB
Menjadi seorang pelabur bijak
Kuala Lumpur : Must Read, 2011. 158ms.
ISBN 978-967-5426-48-3

ULASAN

Dalam era globalisasi yang penuh pancaroba masakini, pelaburan adalah perkara yang amat penting dalam merencanakan kesinambungan kehidupan yang memerlukan kewangan dalam meneruskan kehidupan. Pelaburan adalah untuk semua bukan sahaja golongan berpendapatan tinggi malahan golongan berpendapatan rendah. Buku *Menjadi Seorang Pelabur Bijak* yang ditulis oleh Zulnaidi Yaacob membicarakan bagaimana untuk melabur dalam lingkungan selamat dan berkesan. Sungguhpun penulis ialah seorang yang berkelulusan Phd dalam bidang perakaunan namun ia tidak mematahkan semangat beliau dalam mempelajari dan memperhalusi ilmu pelaburan seperti yang dinyatakannya dalam buku ini hasil dorongan secara tidak langsung oleh rakan sekerja seterusnya berkongsi penceritaan beliau dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Bab-bab awal buku ini lebih memfokus kepada kecenderungan penulis mengajak

pembaca melabur sebagai satu jaminan untuk masa depan. Pelabur dan pelaburan lebih menekankan kepada tradisi masyarakat kita terutamanya Melayu yang dari turun-temurun telah lahir sifat menyimpan dan menabung demi masa depan dan keluarga. Dalam buku ini penulis telah menyamakan menyimpan dan menabung dengan pelaburan. Penulis juga menyatakan subsidi dan bantuan kewangan kepada masyarakat bumiputera khususnya Melayu dapat dikurangkan sekiranya lebih banyak kaum bumiputera menjadi pelabur yang bijak. Penulis memberi amaran pada masakini masyarakat lebih cenderung untuk menyertai skim cepat kaya berbanding melabur dalam kondisi pelaburan yang lebih selamat. Profil para pelabur boleh dikategorikan kepada lima iaitu amat konservatif, konservatif, kelompok pertengahan, usahawan dan spekulatif.

Buku ini turut mengetengahkan enam ciri pelabur yang baik. Enam pelabur tersebut adalah merangkumi pelabur yang berilmu, proaktif, berdisiplin, berorientasikan keuntungan, pembuat keputusan yang baik dan konservatisme kewangan. Seterusnya buku ini juga ada menyatakan bahawa pelaburan yang mematuhi syariah yakni berlandaskan Islam dan sebuah organisasi iaitu Perbadanan Sekuriti Malaysia (SIDC) yang memantau kepatuhan terhadap prinsip syariah kepada pelaburan tersebut.

Pelaburan pertama yang dinyatakan dalam buku ini adalah saham amanah. Operasi pelaburan dalam saham amanah melibatkan empat pihak utama iaitu Pemegang Unit Saham, Pemegang Amanah, Syarikat Pengurusan dan Pengurus Dana Profesional. Saham amanah juga adalah cara yang paling mudah dan ringkas untuk melibatkan diri dalam pelaburan seperti dinyatakan dalam buku ini. Di dalam buku ini juga bentuk susunan cerita seperti apakah, berbaloikah dan sebagainya membuatkan golongan pembaca lebih berminat untuk mengetahui lebih lanjut. Antara persoalan yang boleh membuat seseorang untuk berminat menjadi pelabur bagi unit amanah adalah 'wajarkah meminjam untuk melabur?' dan 'apakah pulangan dari pelaburan saham amanah?'

Pelaburan yang kedua adalah emas. Pembaca yang berjantina lelaki mungkin kurang berminat dan mungkin juga pembaca wanita hanya menjadikan emas

sebagai perhiasan. Bab emas dikupas dengan begitu baik sehingga pembaca tidak kira lelaki atau perempuan akan tertarik dengan tajuk ini. Ini kerana kupasan tajuk-tajuk seperti emas sebagai aksesori wanita, bagaimana harga emas ditentukan, harga emas tidak seragam, asas perkiraan harga emas, pilihan bentuk pelaburan emas, jongkong dan syiling emas dan pelaburan emas tidak merugikan adalah antara yang dinyatakan dalam buku ini.

Pelaburan yang ketiga adalah pelaburan harta tanah. Penulis menyatakan dengan susunan bahasa yang mudah dalam menyatakan tajuk harta tanah dalam perkiraan pembelian rumah, premis dan sebagainya sebagai pelaburan yang menguntungkan disebabkan nilai harta tanah akan terus meningkat. Tip-tip bagi pembeli yang ingin pertama kali membeli rumah juga dinyatakan. Terdapat juga tip-tip lain seperti jenis pelaburan rumah untuk lelongan dan sebagainya.

Pelaburan keempat adalah saham koperasi. Saham koperasi adalah tertakluk kepada Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007). Pemahaman kepada akta ini seperti dinyatakan oleh penulis akan membantu masyarakat dan pembaca kepada persepsi awam terhadap koperasi serta manfaat-manfaat untuk menyertainya. Dalam kata lain penulis dan kandungan buku ini sendiri meyakinkan pembaca untuk melabur dalam saham koperasi kerana ia dijamin oleh peruntukan undang-undang. Bab saham koperasi ini juga ada mengulas mengenai pelbagai perkara termasuk aktiviti koperasi yang memungkinkan menjana keuntungan dan risiko memiliki saham koperasi juga dijelaskan dalam bab ini.

Pelaburan kelima adalah koleksi barang. Koleksi barang popular bagi pengumpul barang seperti berasaskan nombor, sejarah/peristiwa, ciri antik dan peribadi pengumpul. Penulis juga menyatakan ciri-ciri barang yang menguntungkan ialah mempunyai tarikan universal, bernilai sejarah, tidak mudah rosak, sangat unik dan terhad, terkait dengan peristiwa/figura tersohor, tunggal, misteri dan juga mempunyai dokumentasi/preskripsi lengkap dan tepat. Seperti pelaburan-pelaburan lain buku ini juga menyatakan risiko untuk pelaburan jenis ini untuk pelabur yang baru berjinak-jinak dengan dunia pelaburan.

Pelaburan kelima ialah pelaburan sukuk. Sukuk adalah satu pilihan pelaburan yang boleh dipertimbangkan oleh mereka yang ingin melabur serta mangharapkan pulangan yang sederhana secara konsisten pada risiko yang rendah. Kebanyakan dana yang diperlukan untuk sukuk adalah permulaan serendah RM1000 hingga RM5000. Pelaburan Sukuk boleh diperolehi di laman sesawang Bank Negara Malaysia dan cawangan-cawangan bank yang dilantik sebagai agen untuk urusan Sukuk. Pelaburan Sukuk sesuai untuk pelabur-pelabur yang tidak terlalu agresif untuk mencari keuntungan.


Di akhir kandungan buku ini, penulis memberi beberapa tip untuk pelabur dan persoalan-persoalan yang berguna untuk memulakan langkah untuk melabur.

Pengulas:

Mohd Firdaus Ngah Sa'aya

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



TRACY, BRIAN
No excuses! Ed. bahasa Malaysia
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.
311ms.
ISBN 978-967-369-086-2

ULASAN

Apakah rahsia sebenar kejayaan? Adakah kerana faktor nasib atau tuah; mempunyai rangkaian kenalan dari kalangan orang ternama; memiliki duit dan harta bertimbun atau mempunyai kemahiran unik yang hebat? Sebenarnya faktor-faktor tersebut merupakan faktor yang lebih bersifat anugerah yang dikurniakan oleh-Nya kepada manusia terpilih sahaja. Bagaimana pula dengan manusia yang tidak ditakdirkan mempunyai faktor-faktor tersebut?

Justeru, buku terjemahan daripada karya asal dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu ini mengupas tema persoalan tentang bagaimana semua manusia mampu mencapai segala apa yang diinginkan dalam kehidupan dengan membina potensi diri menerusi sifat dan amalan yang menjadi kunci kepada semua faktor kejayaan yang lain iaitu – disiplin diri!

Penulis menghuraikan dengan terperinci apa yang dimaksudkan dengan disiplin diri

dan bagaimana disiplin menjadi ibu kepada segala kejayaan. Kebolehan mengawal keinginan, perbuatan dan tindak-tanduk perlakuan diri menjadi asas utama. Mereka yang mempunyai disiplin diri yang tinggi, sentiasa boleh melakukan perkara yang sepatutnya dilakukan tanpa sebarang alasan ataupun penangguhan.

Buku ini menerangkan aspek-aspek utama untuk menjadikan diri kita agar lebih berdisiplin dalam menuju sebuah kejayaan demi mencapai tiga matlamat hidup yang utama iaitu kejayaan dalam keperibadian sebagai manusia yang mulia, kejayaan dalam perniagaan dan kewangan dan kejayaan dalam kesihatan dan kekeluargaan

Kuasa disiplin diri diterangkan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan diikuti dalam setiap 21 bab yang terdapat dalam buku ini. Antaranya ialah disiplin diri dan kejayaan peribadi; disiplin diri dan dalam perniagaan, jualan dan kewangan; dan disiplin diri dan kehidupan yang baik. Tajuk-tajuk kecil disokong dengan hujahan, contoh, perbandingan dan pengalaman peribadi yang dialami sendiri oleh penulis.

Pada permulaan buku ini, penulis banyak menyentuh tentang meningkatkan potensi diri dalam kehidupan seperti mencipta matlamat, membina peribadi, tanggungjawab dan keberanian. Setiap satunya boleh menggunakan disiplin diri bagi memupuk dan mengekalkan sikap tidak mudah putus asa.

Penulis turut mengupas hal-hal perniagaan, jualan dan kewangan peribadi. Penulis menekankan bagaimana disiplin diri penting bagi menjadikan kita tokoh ulung. Turut disentuh ialah bagaimana menjadikan perniagaan lebih menguntungkan dengan jualan yang meningkat, memilih pelaburan dengan lebih bijak dan menguruskan masa bagi memaksimumkan hasil.

Cara terbaik menguruskan kehidupan peribadi turut dihuraikan oleh penulis. Ini termasuklah kesihatan, perkahwinan, pendidikan anak, persahabatan dan ketenangan fikiran. Penulis turut menekankan halangan-halangan kejayaan yang selalu diabaikan oleh manusia seperti sikap suka memilih jalan mudah tanpa ingin bersusah payah dengan mengambil inisiatif perubahan dan memilih untuk menikmati keseronokan segera tanpa ada perancangan jangka masa panjang.

Buku ini akan menunjukkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membuat perubahan. Bagaimana membentuk disiplin diri supaya kejayaan yang diidamkan tercapai. Apabila disiplin diri terbentuk, barulah kejayaan datang dengan pencapaian yang belum pernah dicapai sebelum ini. Latihan-latihan susulan yang boleh diamalkan dalam kehidupan sebenar turut dimuatkan di penghujung setiap bab untuk membimbing pembaca mempraktikkan apa yang telah disarankan oleh penulis.


Buku ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja termasuk pelajar, pekerja, peniaga dan pentadbir yang berazam untuk mencapai kepuasan diri dalam mengejar kejayaan hidup yang diimpikan selama ini.

Pengulas:

Mohd Afirol Mohd Ariffin

Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ZURAIDAH ABDUL RAHMAN
Pastikan diri anda OK!

Shah Alam : Marshall Cavendish (M), 2011. 177ms.
ISBN 978-967-3035-88-5

ULASAN

Buku *Pastikan Diri Anda Ok!* ini ditulis oleh Zuraidah binti Abdul Rahman, seorang Kaunselor dan Hipnoterapis Klinikal berpengalaman yang telah bertanggungjawab memperkenalkan teori Analisi Transaksional atau lebih dikenali sebagai TA pada tahun 1986 kepada pegawai pendidikan di Institut Pengurusan Pendidikan Negara yang kini dikenali sebagai Institut Aminuddin Baki. Menurut penulis, Analisis Transaksional (TA) boleh membantu individu untuk memahami diri dan memperbaiki komunikasi dengan rakan sejawat, anak, isteri, suami, adik-beradik dan individu lain yang dihubungi dan berinteraksi. Buku setebal 177 mukasurat ini telah diterbitkan oleh Marshall Cavendish Editions di bawah kategori buku kaunseling dan motivasi diri.

Penulis telah menjelaskan dengan terperinci berkaitan teori Analisa Transaksi (TA) melalui 8 bab iaitu Bab 1 (Analisis Transaksional), Bab 2 (Ego Stat), Bab 3 (Transaksi), Bab 4 (Skrip Hidup), Bab 5 (Strok), Bab 6 (Permainan Hidup), Bab 7 (Gaya Pengurusan) dan Bab 8 (Membina Egogram).

Menurut penulis, walaupun penggunaan teori Analisis Transaksional (TA) adalah suatu yang tidak biasa didengari dan kurang difahami oleh ramai pembaca, secara ringkasnya falsafah TA mengatakan bahawa 1) Manusia adalah OK - setiap individu mempunyai nilai, harga diri tanpa syarat; 2) Manusia mempunyai keupayaan berfikir dan bertanggungjawab terhadap apa sahaja keputusan yang diambil dan menangani risiko yang timbul kemudiannya; 3) Manusia yang menentukan arah hidup- strategi dan helah yang digunakan sejak kecil sebagai dalih diri boleh diubah jika diinginkan.

Penulis menghuraikan setiap idea berkenaan teori Analisis Transaksional (TA) dengan jelas dan disokong dengan fakta serta contoh bagi memudahkan pembacaan serta pemahaman di pihak pembaca. Namun begitu, bagi membolehkan seseorang pembaca memahami dan mendapat manfaat daripada hasil penulisan ini memerlukan kepada tahap pemahaman dan kemahiran pemikiran analitik yang tinggi memandangkan banyak istilah yang digunakan di dalam hasil penulisan buku ini adalah suatu yang tidak biasa didengari. Di antara istilah-istilah yang digunakan adalah seperti Ego stat (personaliti kecil), Ibu Bapa kritikal (Critical Parent), Ibu Bapa Pengasih (Nurturing Parent), Melempar salah (Scapegoat), Kanak-Kanak Menentang (Rebellious Child), Kanak-Kanak Patuh (Adapted Child), Profesor Kecil (Little Professor) dan sebagainya.

Penulis turut menjelaskan bahawa di dalam diri setiap individu, ada tiga personaliti kecil yang dikenali sebagai ego stat, iaitu ego stat Ibu Bapa (Parent), ego stat Dewasa (Adult) dan ego Kanak-Kanak (Child). Ego stat Ibu Bapa mempunyai dua jenis iaitu Ibu Bapa Kritikal (Critical Parent) dan Ibu Bapa Pengasih (Nurturing Parent). Ego stat Kanak-Kanak pula mempunyai tiga jenis, iaitu Kanak-Kanak Patuh dan Kanak-Kanak Menentang (Adapted Child dan Rebellious Child), Profesor Kecil (The Little Professor) dan Kanak-Kanak Bebas (Free Child). Cara penulis mengaitkan setiap teori dengan keadaaan kehidupan sebenar masyarakat telah menyebabkan sesuatu yang jarang didengari mudah untuk difahami. Sebagai contoh, di dalam menerangkan istilah ego stat, penulis telah mengaitkan sikap ibu bapa di dalam mendidik anak-anak akan dijadikan contoh oleh anak-anak tersebut walaupun ianya akan berlaku dan telah berlaku tanpa kita sedari. Jika seseorang anak diasuh oleh ibu bapanya dengan kekerasan, kajian telah membuktikan bahawa anak-anak itu akan turut menjadi ibu

bapa yang kasar kerana ia meniru perlakuan ibu atau bapanya itu, begitu juga sebaliknya.

Hasil penulisan buku ini adalah cenderung kepada bidang pengurusan sumber manusia dan sesuai untuk pembacaan golongan eksekutif dan pengurusan profesional. Buku ini juga sesuai untuk bacaan pelajar-pelajar kursus Pengurusan, Perhubungan Awam, Psikologi, Komunikasi, Bimbingan dan Kaunseling, juga kepada sesiapa yang berminat dalam bidang perhubungan individu.


Secara keseluruhan, buku ini adalah penting bagi pembacaan individu terutamanya golongan pengurus dan eksekutif kerana berurusan dengan harta yang paling bernilai dalam sesebuah organisasi iaitu sumber manusia memerlukan kemahiran komunikasi dan kemahiran perhubungan individu yang tinggi. Hanya dengan kemahiran komunikasi yang baik saja, maka prestasi sesebuah organisasi dapat dipertingkatkan.

Pengulas:

Mohd Ikhmil Firdausz Mohd Hanif
Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



HIZWANI HASSAN, FAKHRUL FARRIS HARUN
Pilih kerjaya bukan kerja
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 173ms.
ISBN 978-983-124-637-5

ULASAN

Pilih Kerjaya Bukan Kerja adalah curahan pengetahuan kedua-dua penulis yang berjaya membina karier sepanjang pengalaman selama 20 tahun. Dari Kampung Kongo ke dunia korporat – kembara mereka mengajar anda agar tidak mengenal erti putus asa dalam usaha mencari kerjaya impian. Bacalah dengan hati dan bertindaklah dengan fikiran yang terbuka kerana anda pasti akan memperoleh manfaatnya.

Buku ini menekankan tentang pentingnya menetapkan satu matlamat sebelum melakukan sesuatu untuk menentukan arah tuju. Pembinaan kerjaya adalah tanggungjawab setiap individu dan bukannya tanggungjawab majikan. Apabila konsep ini diterima pakai, maka dengan sendirinya kita akan merasa bebas. Anggaplah bahawa diri anda adalah sebuah perniagaan atau syarikat, walaupun anda hanyalah seorang pekerja. Inilah sikap yang perlu ada pada setiap pekerja.

Buku ini juga boleh dijadikan panduan kepada mereka yang akan dan sedang bersaing dalam dunia pekerjaan. Matlamat hidup adalah pilihan kita sendiri, begitu juga dengan cara hidup kita. Setiap pilihan yang dibuat merupakan hasil yang akan kita dapat. Paling utama, dalam menjalani kehidupan sehari-hari, kita perlukan ‘sesuatu’ yang dapat membawa kita pada matlamat hidup kita. Kebiasaannya kita akan dinasihati atau diajar untuk ‘have a balanced life’ atau hidup seimbang. Ia adalah perkara yang bagus dan ianya akan membawa kita pada fitrah dan matlamat kita.

Mencari kerja berkait rapat dengan apa matlamat kita, apa yang kita mahukan dan apa yang kita minat. Carilah kerja yang kita mahu, bukan apa yang orang lain mahu. Dengan cara ini, kita akan jujur dengan kerja kita. Ramai daripada kita ingin mendapatkan kerja, bukan ingin mencari kerjaya. Selain daripada apa yang kita mahukan, terdapat ciri-ciri lain yang perlu diambil kira iaitu minat, kelayakan, keselamatan, pendapatan, status, kebolehan dan lokasi bekerja.

Sekiranya kita jelas dengan apa yang diinginkan, kita akan memilih kerja pertama yang berkaitan dengan apa yang ingin kita capai. Seorang siswazah dalam bidang penulisan yang bercita-cita mahu menjadikan bidang penulisan sebagai kerjaya, mungkin memulakan kerja pertamanya dengan menulis di ruang forum akhbar tempatan atau majalah universiti.

Kumpulan sasaran untuk buku ini, adalah golongan muda yang baru ingin memulakan kerjaya terutamanya para graduan yang baru tamat pengajian. Buku ini boleh dijadikan motivasi serta rujukan untuk terus mencari arah atau matlamat untuk kehidupan akan datang.

Walau apapun yang kita capai, walau apapun kejayaan kita, ingatlah kepada asal usul dan fitrah kejadian kita. Ingatlah kenapa kita wujud di dunia ini dan yang paling penting, ingatlah ke mana kita akan kembali.

Persefahaman dan kerjasama, itulah kunci kejayaan penerbitan buku ini. Kesibukan dalam kerjaya membuktikan bahawa sesuatu itu pasti boleh dihasilkan jika diiringi

dengan ketekunan apatah lagi ditambah dengan minat yang mendalam.

Berbekalkan pengetahuan dan juga pengalaman sendiri, perkongsian ilmu daripada kedua-dua orang penulis ini amat bermanfaat untuk dijadikan panduan kepada generasi akan datang. Apatah lagi, idea untuk menghasilkan buku ini juga hasil daripada pelbagai pertanyaan yang mereka terima dari sesi taklimat yang dikendalikan. Harapan penulis, moga secubit ilmu yang dipaparkan ini dapat memberi dorongan dan rangsangan kepada mereka yang akan menjelaki dunia kerjaya selepas tamat pengajian masing-masing.


Pengulas:

Anis Mat Saad

Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AZRINA SOBIAN, SITI FATIMAH ABDUL RAHMAN
Pinjaman peribadi : hasil kajian terhadap masyarakat Malaysia

Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia,
2010. 130ms.
ISBN 978-983-2636-42-7

ULASAN

Pinjaman peribadi merupakan satu bentuk hutang yang tidak asing dalam masyarakat Malaysia. Frasa “pinjaman peribadi” tidak membawa konotasi negatif. Melihat kepada frasa tersebut, apa yang dapat kita bayangkan ialah kemungkinan untuk menyelesaikan masalah atau mungkin dapat membantu individu memenuhi keperluan dan kehendak hidup. Namun, perkataan “hutang” dipandang berbeza. Ia merupakan satu perkataan yang secara umumnya membawa konotasi negatif. Ini kerana ia dikaitkan dengan beberapa perilaku tidak baik seperti penipuan, keganasan, kemiskinan berterusan, tekanan hidup, ketakutan, sakit jiwa dan sebagainya.

Buku ini merupakan hasil daripada satu kajian yang cuba merungkaikan keinginan untuk memahami pandangan serta sikap masyarakat Muslim terhadap pinjaman peribadi. Objektif kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan orang Islam di Malaysia terhadap pinjaman peribadi; mengenal pasti sikap orang Islam terhadap pinjaman peribadi; meninjau sikap orang Islam terhadap pinjaman tidak formal;

mengutarakan pandangan hidup orang Islam mengenai hutang; mengenal pasti pandangan dan sikap masyarakat terhadap penggunaan kad kredit dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang Islam terhadap hutang.

Pinjaman peribadi bukan lagi satu yang asing di negara ini. Pasti ramai yang pernah mendengar tentang pinjaman peribadi apatah lagi terlibat dalam pinjaman berbentuk ini. Ramai yang melihat pinjaman peribadi sebagai satu jalan yang dapat membantu menyelesaikan masalah jangka pendek seperti melangsaihan hutang kad kredit, membayar duit muka bagi pembelian rumah atau kereta serta membayar kos pendidikan atau perubatan. Walaupun begitu, masyarakat umum masih bergantung kepada hutang untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Keadaan ini akan kekal begitu kerana permintaan dan penawaran terhadap hutang tidak nampak surutnya.

Jelas, hutang masih menjadi pilihan walaupun dipandang serong. Untuk itu, hutang dalam apa bentuk sekalipun perlu difahami. Apatah lagi kefahaman hutang dalam pandangan hidup Islam. Perbincangan dari sudut ini akan membantu membentuk asas jiwa masyarakat yang tahu dan jelas sebab-sebab ia perlu berhutang atau membuat pinjaman peribadi. Buku ini memberi peluang kepada pembaca memahami hutang dalam pandangan hidup Islam. Bentuk hutang yang diberikan tumpuan ialah hutang dalam bentuk "Pinjaman Peribadi". Bentuk ini dipilih kerana pada masa kini, amat mudah sekali ahli masyarakat terlibat dalam pinjaman tersebut. Dalam masa yang sama, buku ini turut membincangkan persepsi dan sikap masyarakat Muslim terhadap hutang atau pinjaman peribadi itu.

Dengan penerbitan buku ini diharapkan masyarakat Melayu yang beragama Islam lebih memahami hutang dan pinjaman peribadi. Adakah perlu terjebak dalam amalan hutang yang tidak berkesudahan, atau cukup sekadar hidup secara bersederhana dan memberi tumpuan kepada meningkatkan tabungan keluarga? Persoalan-persoalan ini akan terjawab selepas pembaca membaca buku ini. Ilmu dan maklumat yang diperolehi melalui buku ini boleh digunakan untuk menilai keadaan diri dari segi kemampuan kewangan dan kemahiran pengurusan kewangan agar bangsa Melayu tidak mudah terperangkap dalam hutang hingga boleh membawa kepada kemuflisan.


Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah dan sesiapa sahaja boleh membacanya. Penerbitan buku ini diharap dapat membantu pembaca memahami pengurusan hutang atau pinjaman peribadi terutamanya dari sudut pandangan hidup Islam. Selain daripada itu, buku ini juga dapat membantu dalam memahami tingkah laku pengguna Muslim di Malaysia terhadap hutang, pinjaman peribadi dan pengetahuan yang diperoleh itu dapat dimanfaatkan dalam kehidupan sehari-hari. Kefahaman ini sebenarnya dapat membantu merangka polisi atau pelan pengurusan kewangan peribadi dalam kalangan pengguna. Dalam masa yang sama pelbagai program kesedaran boleh dilaksanakan dengan memahami tingkah laku pengguna. Diharapkan juga, buku ini dapat merintis jalan kepada kajian yang lebih menyeluruh ke atas tingkah laku pengguna terhadap hutang mahupun pinjaman peribadi, terutamanya dalam kalangan pengguna Muslim.

Pengulas:

Noormey Mohd Noor
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



BAHRIN SAMAH

Rawat dengan herba : cegah demam & flu
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 236ms.
ISBN 978-983-124-664-1

ULASAN

Pada tahun 2009, Malaysia digemparkan dengan penularan Influenza A H1N1 atau dikenali sebagai Selesema Babi. Meskipun pada awalnya ia dikategorikan sebagai tidak berbahaya, namun setelah kematian demi kematian dicatatkan, kerajaan mula mengambil perhatian serius. Kebanyakan orang beranggapan demam biasa dan flu adalah penyakit yang sama kerana kedua-duanya bermula dengan simptom yang hampir serupa seperti selesema. Namun sebenarnya dua penyakit ini adalah sangat berbeza malah tidak semua flu mempunyai simptom selesema. Penghidap flu mengalami simptom yang serius dan berkemampuan membentuk komplikasi serta kematian. Influenza A H1N1 merupakan contoh flu yang berlaku di Malaysia.

Buku *Rawat Dengan Herba* menerangkan tentang virus-virus demam dan flu serta kaedah rawatannya. Hasil kajian perubatan alternatif, flu dipercayai mampu ditangani dengan menggunakan herba. Ia dilihat lebih selamat kerana berunsur semula jadi dan sesuai dengan keadaan tubuh. Buku ini juga menerangkan tentang perbezaan di

antara demam biasa dan flu.

Buku ini turut menerangkan perbezaan yang ketara di antara simptom demam biasa dan flu. Simptom-simptom demam biasa selalunya dialami secara beransur-ansur manakala simptom-simptom flu dialami secara pantas. Selain itu, simptom demam biasa berlaku pada bahagian dada, tengkuk dan kepala manakala simptom flu berlaku pada seluruh tubuh termasuk suhu tubuh meningkat, rasa sengal-sengal tubuh dan mengalami kelesuan. Bagi mengatasi penyebaran virus demam biasa dan flu, orang awam dinasihatkan supaya menutup hidung dan mulut dengan sapu tangan ketika bersin. Selain itu, cara mencegah daripada penularan penyakit tersebut adalah dengan memakai topeng muka selain mencuci tangan sebersih-bersihnya. Langkah-langkah pencegahan yang dicadangkan boleh membantu mengurangkan risiko jangkitan virus demam, sama ada ia demam biasa, flu bermusim atau flu pandemik.

Penulis juga menerangkan di dalam buku ini bahawa peranan alam sekitar dan mutasi berperanan sebagai salah satu faktor yang penting dalam membantu mempercepatkan kadar mutasi virus ialah kepadatan penduduk. Kepadatan penduduk dan kesesakan seperti yang berlaku di dalam kandang babi menyebabkan virus mudah berjangkit daripada seekor haiwan kepada haiwan yang lain.

Buku ini disimpulkan sebagai pendedahan kepada pembaca mengenai perubatan herba yang dapat dijadikan salah satu daripada kaedah bagi membendung gejala penyakit berjangkit. Ini adalah kerana buku ini ialah sebahagian daripada buku-buku yang ditulis oleh pakar penjagaan kesihatan holistik. Kaedah-kaedah tradisional atau alternatif yang digabungkan dengan pengalaman gaya hidup holistik biasanya akan menghasilkan kesan yang lebih baik dari segi memendekkan tempoh flu. Tip-tip yang diberikan amat berguna dan seterusnya dapat diamalkan oleh para pembaca.

Pengulas:

Salwana Fadzil

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU



AINON MOHD,
ABDULLAH HASSAN
**11 teori & prinsip
motivasi di tempat kerja**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 254ms.
ISBN 978-967-369-085-5

Buku ini membongkar 11 teori dan prinsip motivasi yang menjadi kunci kepada sikap rajin dan positif bekerja. Terbukti membantu menjadikan pekerja lebih setia, bersedia dan bekerja tanpa meningkatkan kos operasi. Buku ini memberi tiga perkara unggul kepada majikan, pengurus dan pegawai atasan bagi memotivasi pekerja. Pertama, strategi dorongan dari dalam diri pekerja. Dahulu organisasi dilihat sebagai tempat makan gaji, kini menjadi tempat berkembangnya potensi diri. Kedua, strategi berfikir seperti majikan. Pekerja yang berfikir gaya majikan akan mengurus kerja secara berkesan. Mereka meletakkan faktor wang sebagai faktor kedua. Ketiga, strategi mengurus kos membaik pulih yang dilakukan oleh pekerja kesan daripada suntikan motivasi yang tidak kena cara dan tempatnya. Organisasi menjadi syurga apabila semua pekerja gembira dan kekal setia. Hanya resepi motivasi yang memungkinkan ia berlaku.

SINOPSIS BUKU




ZULNAIDI YAACOB
12 strategi elak bisnes gagal

Kuala Lumpur : Must Read,
2010. 158ms.
ISBN 978-967-5426-37-7

Menjadi usahawan yang berjaya menjadi angan-angan setiap individu yang terjun ke dalam bidang perniagaan. Kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan ilmu pengetahuan dalam diri mereka. Sebagai usahawan perlu sentiasa mencari idea, kaedah, cara dan petua untuk mendapat dan mengekalkan kejayaan dalam perniagaan mereka, kerana perniagaan akan sentiasa terdedah kepada risiko kegagalan sama ada yang baru bermula atau yang telah lama bertapak. Isi kandungan buku ini boleh dianggap sebagai polisi untuk melindungi sesebuah perniagaan itu dari dilanda kegagalan, kerana kegagalan boleh dijangka dan persediaan untuk mengurangkan risiko kegagalan adalah suatu yang boleh diatur. Panduan, cadangan, motivasi dan tip-tip yang dimuatkan dalam buku ini dapat menaikkan semangat dan membuka minda serta berfikiran positif bagi individu yang pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan dan yang belum lagi menemui kegagalan maka buku ini boleh dijadikan rujukan agar sentiasa meningkatkan prestasi supaya tidak menemui kegagalan.

SINOPSIS BUKU



ABDUL RAHMAN
IBRAHIM
13 Mei 1969 di Kuala Lumpur
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
2011. 142ms.
ISBN 978-983-46-0706-7

Buku ini membincangkan latar belakang masyarakat majmuk yang wujud dan isu perkauman di negeri-negeri Melayu. Buku ini menjurus kepada peristiwa ataupun sejarah hitam hubungan kaum antara orang Melayu dan orang Cina di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur pula menjadi lokasi utama kepada tragedi ngeri ini dan menjadi dokumentasi sejarah yang tidak dapat dilupakan. Buku ini juga mengupas isu-isu yang timbul dari perspektif politik sosial dan ekonomi. Sejarah yang dikongsi dalam buku ini juga memaparkan asas dan fakta spesifik. Penulisan buku ini akan memperlihatkan bagaimana Kampung Baharu menjadi markas untuk orang Melayu berkumpul dan kemudiannya melakukan perarakan balas yang akhirnya mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969. Selain itu, hubungan Melayu dan Cina yang tegang mendorong kepada tercetusnya peristiwa hitam tersebut. Buku ini juga merupakan salah satu usaha untuk memberikan gambaran tepat tentang apa yang berlaku dalam komuniti penduduk di Kuala Lumpur di samping penjelasan daripada individu yang terlibat dalam peristiwa tersebut.


SINOPSIS BUKU



SHA, RIDZ
21 rahsia fasih berbahasa Inggeris
Batu Caves, Selangor :
PTS Millennia, 2011.
207ms.
ISBN 978-967-5564-83-3

Buku ini merupakan himpunan 21 tip/rahsia yang digunakan oleh penulis dalam menerbitkan rasa minat untuk menguasai bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Rahsia yang dikongsi di dalam buku ini merangkumi empat kemahiran dalam bahasa Inggeris iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Teknik-teknik yang diterangkan dalam buku ini amat mudah dipelajari dan menarik. Buku ini menggunakan gaya bahasa yang mudah dan santai bagi membolehkan setiap golongan menguasai bahasa ini dengan semangat dan azam yang tinggi. Penggunaan ilustrasi yang menarik juga diselitkan dalam topik yang diutarakan. Penulis buku ini merupakan sepasang suami isteri yang membuka syarikat perunding mereka sendiri dan telah menganjurkan bengkel khusus dalam pembelajaran bahasa Inggeris.

SINOPSIS BUKU



DHANI, MUHAMMAD
57 Penyakit berbahaya & rawatannya : secara kedoktoran & Islam
Batu Caves, Selangor :
Al-Hidayah Publication,
2011. 343ms.
ISBN 978-967-368-080-1

Islam menekankan tentang kesihatan dan kehidupan yang sihat sama ada kesihatan luaran, dalaman, minda, emosi dan rohani. Buku *57 Penyakit Berbahaya & Rawatannya* : Secara Kedoktoran & Islam ini merupakan sebuah naskhah yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam usaha untuk menjaga kesihatan seperti sediakala dengan izin Allah. Buku ini menghuraikan secara terperinci mengenai pelbagai jenis penyakit, sebab-sebab berlakunya penyakit, cara merawat dan mengubati penyakit yang sesuai dengan konsep Islam dan kedoktoran. Setiap penyakit ada ubat dan penawarnya kecuali mati. Pelbagai penawar telah Allah sediakan bagi setiap penyakit dan terpulang kepada kita untuk mencari penawarnya dan berdoa supaya disembuhkan. Buku ini sesuai untuk bacaan semua lapisan masyarakat bagi memberi pendedahan mengenai penyakit berbahaya dan cara rawatan yang betul.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ERUWAN GERRY
NORSEN
**Awas! trik penipu di
eBay**

Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 120ms.
ISBN 978-967-369-067-1

Portal eBay merupakan satu proses urus niaga jual beli di internet yang paling besar di dunia. Kekurangan dan pengalaman tentang eBay boleh menyebabkan seseorang pembeli itu tertipu. Penulis cuba menjelaskan bagaimana penipuan dilakukan oleh penjual dan golongan-golongan yang sering melakukan penipuan di internet. Penulis juga turut memuatkan contoh-contoh penipuan yang biasa berlaku di internet. Pembeli perlu mengetahui dengan jelas diskripsi barang seperti kos, destinasi yang dapat dihantar oleh penjual, di mana barang itu berada, keadaan barang (baharu, lama ataupun rosak), dan pendapat penjual serta komen dari pembeli-pembeli yang lain. Jenis-jenis penipuan dalam eBay dapat dielakkan dengan bantuan dari panduan yang diberikan oleh penulis di dalam buku ini. Buku yang mengandungi 120 mukasurat ini akan menjadikan pembaca lebih berilmu dalam urusan jual beli di portal eBay.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HALIM MUDA
Bangkit sebagai pelajar hebat
Batu Caves, Selangor :
PTS Millennia, 2011.
269ms.
ISBN 978-967-5564-85-7

Buku ini memberi tunjuk ajar dan perangsang kepada golongan pelajar agar bertindak melangkaui sempadan diri di samping memaparkan tip bagi mereka yang ingin berjaya di alam pembelajaran mahupun di alam pekerjaan. Buku ini juga membuka minda pembaca bagi menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat serta memberi informasi mengenai kehebatan kuasa minda dan kaitannya dengan pembelajaran, mencetuskan semangat juang dan berani demi mencapai kejayaan yang hebat. Dengan memaparkan gaya bahasa yang mudah dan santai, gambar rajah serta nota ringkas, tidak menjadi masalah kepada pembaca untuk memahami perkara yang ingin disampaikan. Buku ini mampu membantu pembaca mengambil langkah-langkah bijak dan penting, seterusnya membuka ruang dan peluang bagi melakukan perubahan diri.

SINOPSIS BUKU



MOHD HISHAM MOHD
SHARIF, HASIFAH
ZAINUDDIN

Begini, sayang!

Petaling Jaya : Galeri Ilmu,
2011. 192ms.

ISBN 978-983-097-282-4

Anak-anak seumpama kain putih yang harus diwarnakan dengan warna-warna yang disukai oleh Allah S.W.T. Mendidik anak yang masih rebung merupakan cabaran bagi setiap ibu bapa. Ia merupakan tempoh usia yang kritikal dalam pentarbiahan anak-anak. Perasaan ingin tahu anak pada usia ini meluap-luap dengan lontaran pelbagai soalan yang mencabar ibu bapa untuk menjawabnya. Oleh itu, kemahiran yang tinggi dan ilmu pengetahuan yang mendalam amat diperlukan agar mereka menjadi manusia berakhhlak mulia dan seterusnya bakal menjadi khalifah di dunia ini. Buku ini merupakan pengalaman penulis dalam menjawab persoalan yang diutarakan oleh anak beliau dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan apa yang dialami seharian. Penulis turut menyelitkan mutiara kata sebagai panduan ibu bapa bila berhadapan dengan persoalan seperti ini.


SINOPSIS BUKU



ASYRAFF HAFDZAN
ABDULLAH
Buat duit dengan baiki handphone
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 236ms.
ISBN 978-967-369-066-4

Kemahiran membaiki 'handphone' selalunya dimonopoli oleh kaum Cina tetapi kini ia boleh dipelajari oleh setiap orang yang berminat dengan kemahiran ini. Buku ini memberi informasi yang berguna yang boleh diperaktikkan sehingga kita mampu membaiki 'handphone' sendiri. Ia mendedahkan kemahiran menggunakan perisian 'handphone', kemahiran membaiki perkakasan 'handphone', tip-tip meningkatkan kualiti dalam membaik pulih 'handphone', mengesan kerosakan pada 'handphone'. Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman sebenar penulis yang menjadikan kemahiran ini sebagai bidang perniagaan beliau. Penggunaan bahasa yang mudah difahami dan disertai dengan ilustrasi yang sesuai telah menjadikan buku ini menarik untuk dibaca. Buku ini sesuai bagi pengusaha perniagaan telekomunikasi, penganggur, pelajar-pelajar lepasan sekolah teknikal, graduan universiti, suri rumah dan mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini.

SINOPSIS BUKU




Cabaran sihat

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 315ms.
ISBN 978-983-124-645-0

Kesihatan dan kecergasan tidak akan datang dengan mudah. Sesungguhnya untuk tampil sihat, cantik dan cergas sememangnya menjadi impian setiap insan. Sebaliknya, ia perlu diusahakan supaya tubuh kita kekal sihat dan cergas biarpun telah mencecah usia lanjut. Tanpa usaha yang bersungguh-sungguh, impian akan kekal menjadi igauan sahaja. Usaha yang diperkatakan di sini adalah dengan menyusun dan memerhatikan pola pemakanan anda sehari-hari, melakukan latihan senaman atau fizikal yang teratur sesuai dengan kemampuan dan tahap kecergasan masing-masing secara optimum. Kesihatan dan kecantikan adalah perlu seiring. Buku *Cabaran Sihat* ini merupakan kompilasi artikel-artikel panduan kecergasan serta teknik-teknik senaman yang betul yang dimuatkan di dalam majalah Rapi. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat untuk mendapatkan maklumat mengenai penjagaan dan kesihatan diri. Buku ini boleh dijadikan sebagai dorongan kepada pembaca untuk menjalani kehidupan yang sihat dan berkualiti.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ABD. JALIL ALI
Dari menara KL
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 172ms.
ISBN 978-983-124-613-9

Buku *Dari Menara KL* merupakan kompilasi pandangan dan sindiran pengarang yang disiarkan setiap minggu dalam akhbar Sinar Harian. Koleksi tulisan disampaikan secara santai merangkumi hal berkaitan isu semasa, kemasyarakatan, budaya setempat, kesihatan, perundungan dan *human interest*. Pemilihan tajuk dan isu yang dirungkai dan dihuraikan mempunyai analogi tersurat dan tersirat yang bukan sahaja menyebabkan jantung pembaca akan terus berdegup kencang dan berupaya merangsang daya fikir dan pada masa yang sama pembaca akan dimotivasikan untuk menganalisis kebenaran fakta yang ditulis. Tulisan-tulisan ini berdasarkan pengalaman dan pengamatan sebenar penulis berdasarkan fakta-fakta yang dikutip dan diakui sahih.

SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD ZAINI
YAHAYA, MOHD SUKKI
OTHMAN DAN
MUHAMMAD ADIB
SAMSUDIN

Etika perniagaan dalam Islam : mengaut laba menggandakan pahala
Kajang, Selangor : Soul Excellent Training & Consultancy, 2010. 185ms.
ISBN 978-983-44858-2-5

Manusia tidak dapat menghasilkan semua keperluan dengan sendiri. Kebanyakannya diperolehi daripada orang lain yang memiliki kemahiran dan sumber untuk menghasilkannya. Justeru jual beli menjadi satu bentuk pertukaran yang paling efisyen untuk manusia memenuhi keperluan sejak zaman berzaman. Dalam mengatur sistem dan kaedah jual beli manusia boleh menggunakan akal fikiran. Namun, manusia sering tersilap dalam membuat perhitungan kerana akal terbatas dan banyak dipengaruhi oleh kepentingan serta nafsu. Inilah antara persoalan penting yang dibincangkan oleh buku ini. Setiap bab dalam buku ini diselitkan dengan ayat-ayat dari al-Quran yang bersesuaian dengan topik yang dibincangkan. Buku ini sesuai dijadikan panduan kepada para peniaga, bakal peniaga dan juga semua umat Islam yang terlibat dalam urus niaga.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




A. AZIZ DERAMAN,
DATO'
Geger sokmo
Shah Alam : Oasis Books,
2011. 263ms.
ISBN 978-967-5711-18-3

Geger Sokmo merupakan cetusan idea dari ruangan Geger Sokmo di Sinar Harian dan sekarang diabadikan sebagai tajuk sebuah buku. Kedua-dua patah kata itu yakni Geger dan Sokmo adalah kata-kata dari pantai timur, ada dalam dialek Kelantan dan ada dalam dialek Terengganu. Di Pahang pun ada ungkapan ‘Geger Sokmo’ tersebut, terutama di bahagian sepanjang pantainya, sebab ada warganya berasal dari kedua-dua negeri tadi memilih kehidupan menetap di sana. Geger atau tidak geger perlu dilihat dalam konteks keadaan, senario dan fenomena sesuatu isu atau persoalan. Ada isu politik, sosial dan ada persoalan ekonomi dan budaya. Buku ini merupakan hasil himpunan pemerhatian dan pengalaman seorang budayawan dan pemikir kebangsaan yang menurunkan puluhan tahun pengalaman pentadbiran dalam kerajaan dan keterlibatan diri peribadinya dalam gerakan rakyat. Segala macam kupasan persoalan tidak hanya berkaitan pembangunan kebudayaan, kebahasaan dan kesusasteraan tanah air, malah sentuhan penulis tentang isu semasa, senario politik, ekonomi dan sosial sangat kena dengan tonggak-tonggak kenegaraan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




IBNU 'ARABI
**Jalan selamat pulang
menuju Allah**
Bangi, Selangor : Pelima
Media, 2011. 96ms.
ISBN 978-967-5999-01-7

Buku ini memberi panduan khusus kepada semua pembaca dalam menyiapkan diri pulang menuju Allah agar kepulangan nanti adalah tidak sia-sia. Buku ini banyak memberi panduan dalam menempuh kehidupan sehari-hari yang mana segala apa jua yang dilakukan adalah untuk menjelaki jalan kembali kepada Allah. Nasihat dan ajaran serta larangan yang terdapat di dalam buku ini adalah amat jelas disampaikan dan mudah difahami. Melalui pembacaan buku ini juga pembaca akan mendapat pedoman dan panduan mengenai perkara yang perlu dilakukan untuk mendapat keredhaan dari-Nya. Allah akan membantu umatnya yang berusaha mendekatkan diri kepada-Nya. Buku ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja yang merindukan kebahagian sejati dan mendambakan iman yang jernih.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SHEPHARD, PETER
Ke mana arah hidup anda? Panduan perancangan hidup dan kerjaya
Selangor : Marshall Cavendish (M), 2011.
227ms.
ISBN 978-967-3035-87-8

Bagi orang Malaysia konsep ‘perancangan hidup’ mungkin terlalu baru kerana kebanyakan mereka mempercayai bahawa kehidupan mereka terletak di tangan Tuhan. Kita juga perlu ingat bahawa kita mempunyai pilihan sama ada untuk menguasai diri kita sendiri dan mempengaruhi nasib kita, atau menjadi hamba kehidupan kita. Oleh itu perancangan kehidupan sangat penting. Buku ini diterbitkan khas sebagai panduan untuk para pembaca. Ia amat berfaedah kerana ianya mengenai diri sendiri, kehidupan dan nilai diri. Ia dihasilkan sebagai sebuah buku panduan secara peribadi dan ia direka secara ringkas dengan kandungan teori dan amali yang dapat mendorong perkembangan diri kita sendiri. Soal selidik dan latihan yang disediakan untuk pembaca lebih memahami falsafah dan pendekatan buku ini dan penulis berharap semua ini dapat dilakukan dengan semangat penemuan kendiri dan motivasi untuk memperbaiki diri sendiri. Kita dapat merancang dan menyusun kehidupan dengan memilih kerjaya yang sesuai dengan kelulusan dan minat kita. Hasilnya, tentu kita akan mencapai kejayaan yang cemerlang. Buku ini amat berfaedah terutamanya kepada para lepasan sekolah yang mula melangkah ke alam pekerjaan, guru kaunseling yang memberi nasihat pekerjaan, para pekerja yang ingin meningkatkan taraf pencapaian mereka dan juga kepada sesiapa yang ingin berjaya di dalam hidupnya.

SINOPSIS BUKU



Keajaiban doa Ibu bapa
Kuala Lumpur :
Progressive Pub. House,
2011. 213ms.
ISBN 978-983-3171-97-2

Buku ini menghuraikan secara terperinci mengenai takjubnya keajaiban dan kehebatan doa ibu bapa, sehingga dalam pelbagai kisah dan riwayat seolah-olah digambarkan doa ibu bapa bagaikan tiket menuju ke syurga. Berdoa merupakan salah satu daripada elemen yang penting dalam kehidupan seorang muslim. Ia merupakan pengakuan hamba terhadap kekuasaan Allah yang mutlak terhadap segala yang berlaku. Tidak sempurna tauhid seseorang yang hanya bersolat dan berpuasa, akan tetapi dia tidak mengendahkan hal ehwal kedua-dua orang tuanya. Berbuat baik kepada ibu bapa termasuk salah satu bentuk pembuktian akan kemantapan dan kemurniaan tauhid kita kepada Allah SWT. Beruntunglah kita jika ibu bapa dalam keadaan redha mendoakan kebaikan kita.

SINOPSIS BUKU




CHEK MAT
Kemahiran mengurus berasaskan modul
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2010. 298ms.
ISBN 978-967-61-2422-7

Buku ini terdiri daripada manual dan modul latihan yang disusun secara sistematik dalam bidang pembangunan sumber manusia dan kemahiran berorganisasi. Didalamnya dinyatakan fakta-fakta baru dalam pengurusan organisasi dengan menerangkan aspek teori dan aplikasi kemahiran berorganisasi. Pengurus yang dapat menguasai ilmu kemahiran mengurus akan dapat meningkatkan kecemerlangan organisasi ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti. Fokus diberikan terhadap pengurusan, kepimpinan, peningkatan kualiti dan produktiviti, kewangan dan kemahiran sosial yang perlu diamalkan oleh setiap pengurus, pentadbir dan anggota organisasi. Melalui buku ini, pembaca akan dibimbing untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan bersikap positif. Buku ini terbahagi kepada empat bab utama iaitu menghuraikan persoalan asas tentang kemahiran mengurus, memfokuskan kepada kemahiran pengorganisasian, memfokuskan kepada memberikan latihan khusus bagi kakitangan organisasi dan menghuraikan kesan penerapan kemahiran berorganisasi. Buku ini amat berguna untuk rujukan dan panduan para fasilitator, kaunselor, pegawai latihan, perancang kurikulum, guru dan pelajar yang terlibat dalam program pembangunan sumber manusia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR AL-MASRIE,
DATUK

**Kembara ke angkasa :
catatan memoir
angkasawan Malaysia
pertama**

Petaling Jaya : MPH
Group Pub., 2010. 304ms.
ISBN 978-967-5222-67-2

Buku ini menghimpunkan pengalaman dan catatan memoir angkasawan pertama negara Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa lepas. Ianya meliputi catatan peristiwa dan kenangan angkasawan negara dari hari pertama beliau dipilih untuk menyertai program Angkasawan Malaysia, tugas-tugas yang menjerihkan yang perlu dilaluinya sepanjang terlibat dalam program angkasawan, pengalaman dan emosi selama 12 (duabelas) hari berada di angkasa dan pelbagai lagi pengalaman menarik yang dikongsi bersama semua rakyat Malaysia. Dalam buku ini dimuatkan juga mengenai latarbelakang dan kehidupan penulis dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Buku ini bukan sekadar menceritakan pengalaman-pengalaman atau kronologi beliau dari saat bermula misi angkasa hingga beliau kembali ke bumi, tetapi juga terdapat banyak perkongsian rohani yang mungkin dapat memberi impak dan dorongan kepada pembaca untuk mencapai dan mencipta kejayaan.


SINOPSIS BUKU



Kisah menarik 25 nabi dan rasul
Shah Alam : Syeikh
Publisher, 2011. 160ms.
ISBN 978-967-10206-1-6

Buku ini memaparkan kisah-kisah perjalanan 25 nabi dan rasul yang wajib kita ketahui. Kisah-kisah yang terdapat di dalam buku ini telah diolah secara ringkas tetapi sangat bermaklumat. Isi kandungan dan penceritaan kisah-kisah di dalamnya yang menarik serta banyak memaparkan kisah hidup para anbiya' sedikit sebanyak dapat memberikan motivasi kepada khalayak pembaca. Setiap nabi dan rasul yang diutuskan Allah di muka bumi ini melalui dugaan dan tentangan daripada kaum masing-masing yang menolak nur Islam sebagai agama dan menggantikan cara hidup mereka yang jahil. Segala pengorbanan mereka dalam menegakkan syiar Islam mendatangkan keinsafan kepada generasi kita masa kini. Tanggungjawab kita pula sekarang ini sebagai masyarakat Islam untuk meneruskan perjuangan mereka dalam menjalani kehidupan global yang semakin mencabar. Paparan kisah-kisah di dalam buku ini dapat memberikan teladan dan percikan sinar Islam kepada setiap individu Muslim.

SINOPSIS BUKU



LUBIS, NISRINA
**Kisah-kisah inspirasi
para mualaf dunia**
Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2011. 243ms.
ISBN 978-967-5984-23-5

Hidup adalah pilihan dan setiap pilihan pastilah melalui proses, begitu juga dalam beragama. Begitu ramai yang melalui kejadian yang membuka mata hatinya untuk mengenal Allah. Buku ini mengumpul dan menceritakan mengenai pengalaman, proses dan peristiwa yang telah berlaku kepada seramai 36 mualaf dari pelbagai pelosok dunia yang telah memeluk agama Islam. Pelbagai peristiwa yang berlaku yang telah membuka hati mereka untuk memeluk agama Islam tanpa paksaan dan mencari kebenaran kepada hidayah Allah. Antara mualaf ini adalah terdiri daripada kalangan pemuzik, penyair, artis, model, jurufoto, profesor, ahli agama dan sebagainya. Buku ini banyak membicarakan mengenai proses pemilihan tauhid mereka masing-masing.


SINOPSIS BUKU



MOHD JAMIL YAACOB
Komunikasi kesihatan berkesan
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 94ms.
ISBN 978-967-369-070-1

Bidang kesihatan merupakan bidang yang berorientasikan perkhidmatan kepada orang ramai yang mana ianya akan berhadapan dengan pelbagai persepsi samada positif jika diperolehi daripada komunikasi yang berkesan atau persepsi sebaliknya. Komunikasi yang berkesan adalah amat penting kepada pesakit atau orang yang menerima rawatan. Ini kerana kadangkala seseorang pesakit itu tidak semestinya diberikan ubat dalam bentuk kapsul tetapi hanya perlu kepada kata-kata lembut yang membangkitkan keyakinan, semangat, keazaman dan iltizam dalam merawat penyakitnya. Pelbagai penyakit dan cara atau kaedah menangani masalah komunikasi dengan pesakit dari pelbagai peringkat umur dijelaskan dalam buku ini. Melalui pengalaman penulis sebagai doktor, perkara menyampaikan berita buruk kepada keluarga pesakit adalah sesuatu yang amat berat, sebab itu tip dalam perkara tersebut turut dimuatkan dalam buku ini. Buku ini amat sesuai kepada pelajar ilmu perubatan dan kesihatan untuk gaya komunikasi berkesan dalam menjamin kesinambungan rawatan kepada pesakit.

SINOPSIS BUKU



IMRAN YUSUF
**Laksamana Cheng Ho :
pemimpin armada laut
barat**


Batu Caves, Selangor :
PTS Litera Utama, 2011.
270ms.

ISBN 978-983-3892-76-1

Buku ini merupakan biografi ringkas mengenai Laksamana Cheng Ho (Ma Ho) yang berperanan penting dalam hubungan diplomatik, kebudayaan dan perdagangan yang melibatkan kerajaan besar dunia pada awal abad ke-15. Laksamana Cheng Ho telah menjelajah lebih daripada 30 buah negara sehingga mengangkat China menjadi kuasa besar dunia melalui ketumbukan tentera yang terlatih dan armada kapal yang tidak dapat disaingi dan ditandingi oleh mana-mana negara sekalipun. Beliau juga telah menyebarkan Islam di setiap pelabuhan yang disinggahinya semasa misi diplomatik dilaksanakan di samping membantu anak-anak yatim. Pelabuhan Melaka yang terletak di lokasi yang strategik antara timur dan barat serta menjadi pusat perdagangan utama pada waktu itu telah menyebabkan delegasi ini lebih berminat untuk menjalin hubungan dengan Sultan Melaka iaitu Parameswara. Fakta penting yang dapat dicungkil berdasarkan buku ini ialah kenyataan ahli sejarah amatur dan bekas pegawai tentera laut Inggeris yang menyatakan bahawa armada China menemui Amerika 70 tahun lebih awal berbanding Christoper Columbus.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



RAHMAN SHAARI
Lelaki, perempuan : 77 tingkah bermasalah
Ampang, Selangor :
Pekan Ilmu Publications,
2011. 158ms.
ISBN 978-967-5841-09-5

Kebahagian tidak ditentukan oleh kekayaan harta benda dan wang ringgit. Ia hadir apabila kita dapat bersedia dan mengimbangkan diri dengan kemungkinan masalah yang akan berlaku. Buku ini memuatkan 77 persoalan berat tentang permasalahan yang melibatkan lelaki dan perempuan seperti mana yang diutarakan oleh sejumlah rakyat Malaysia. Antara persoalan yang dikemukakan dalam buku ini ialah kecurangan suami atau isteri, penipuan, kelahiran luar nikah, kebimbangan untuk berkahwin, kemurungan disebabkan masalah seksual, suami atau isteri yang tidak bertanggungjawab, sikap cemburu, masalah seksualiti yang songsang dan sebagainya. Penulis menjawab persoalan tersebut dengan menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas untuk difahami. Beliau mengharapkan segala jawapan yang diberikan dalam buku ini dapat membantu pembaca yang menghadapi masalah sama.


SINOPSIS BUKU



MAXWELL, JOHN C.
Make today count. Ed.
bahasa Malaysia
Batu Caves, Selangor : PTS
Professional Pub., 2011.
121ms.
ISBN 978-967-369-091-6

Buku ini menggariskan disiplin-disiplin harian bagi membantu kita membuat keputusan yang bijak dan tepat untuk mencapai kejayaan. Faktor yang paling utama perlu dilakukan untuk berjaya adalah proses transformasi diri sendiri. Justeru, buku ini telah menggariskan sebanyak 12 keputusan penting yang perlu dilakukan serta melihat keutamaan dengan lebih jelas untuk mencapai kejayaan. Salah satu perkara yang menjadi isi penting kepada buku ini adalah setiap orang perlu melakukan kerja yang disukai sahaja. Hal ini jelas terbukti kerana ia dapat mewujudkan situasi kerja yang sihat serta tugas yang dilakukan juga selari dengan nilai-nilai peribadi seseorang. Buku ini mampu memberi semangat untuk terus berjaya dalam kerjaya dan juga kehidupan. Jaminan kejayaan masa hadapan boleh dilakukan dengan menjadikan hari ini sebagai hari yang bermakna dalam kehidupan kita.


SINOPSIS BUKU



ABDUL AZIZ ZAINAL, TAN SRI
Marksman abad ke-21
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010. 112ms.
ISBN 978-983-068-530-4

Marksman ialah konsep yang disebarluaskan pada mulanya oleh Tentera Darat Malaysia sebagai sasaran untuk dicapai oleh seluruh warga. Ia bertujuan menjana semula nilai-nilai utama organisasi dan melahirkannya dalam rutin sehari-hari individu dan organisasi. Buku ini memperkenalkan budaya kerja kepada pemimpin dan pengurus pada semua peringkat organisasi yang membolehkan pencapaian prestasi yang tertinggi dalam organisasi. Ia gambaran tentang alat pengurusan kontemporari dan tuntutan semasa yang dijangka timbul daripada persekitaran yang pesat yang sentiasa berubah dan dapat meluaskan pandangan pembaca tentang cara untuk meningkatkan prestasi individu dan organisasi.


SINOPSIS BUKU



GRAY, JOHN
**Men are from mars,
women are from venus.**
Ed. bahasa Malaysia
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 367ms.
ISBN 978-967-369-078-7

Buku ini memberikan pendedahan penting mengenai pelbagai sifat-sifat lelaki dan perempuan. Buku ini menjelaskan mengenai sebab berlakunya konflik rumah tangga dan di pejabat yang berpunca daripada salah anggap yang lelaki dan perempuan itu adalah bersifat sama dan perlu diberikan layanan yang serupa. Buku ini juga turut menerangkan konflik-konflik yang sentiasa berlaku antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan kepada pengalaman penulis yang sentiasa memberi kaunseling kepada pasangan dan individu, penulis telah memberi panduan dan cara untuk mengatasi perbezaan dalam gaya komunikasi, keperluan emosi dan perilaku bagi memupuk persefahaman antara lelaki dan perempuan. Buku ini sangat sesuai dibaca oleh golongan yang telah berumahtangga bagi membantu membentuk hubungan suami isteri yang lebih mendalam.


SINOPSIS BUKU



**Ombak & pantai :
antologi cerpen dan
sajak : Ikatan Persuratan
Melayu (IPM) sempena
Jubli Intan 60 tahun
penubuhan IPM dan 40
tahun GAPENA**
Melaka : Ikatan
Persuratan Melayu, 2011.
356ms.
ISBN 978-983-2405-03-0

Ombak & Pantai merupakan antologi cerpen dan sajak hasil tulisan ahli-ahli IPM, diterbitkan sempena menyambut Jubli Intan IPM yang ke-60 tahun. Antara pengasasnya ialah Samad Ahmad, Awam Al-Serkam, SN Datuk Usman Awang, Datuk Jamil Sulong dan Tan Sri Aziz Tapa. IPM antara Persatuan Penulis yang masih wujud sehingga sekarang meskipun menghadapi pelbagai cabaran dan pancaroba sepanjang usianya. Justeru, kepelbagaian teknik penulisan di utarakan bagi menyemarakkan lagi dunia sastera kita yang semakin mencabar. Penerbitan antologi ini adalah salah satu usaha IPM bagi memupuk serta merangsang bakat ahli-ahlinya supaya lebih berdaya saing serta keratif dalam arena penulisan untuk mempertingkatkan sastera dan warisan bangsa yang kita cintai. Cabaran dari media elektronik yang semakin sengit dan ketara menyebabkan usaha yang dihasilkan melalui pembacaan dalam bentuk buku dan bahan bercetak berkonsepkan sastera semakin kurang diberi perhatian. Dengan penerbitan antologi ini akan menjadi pendorong kepada ahli-ahli IPM untuk terus maju pada masa akan datang. Ianya juga perlu diteruskan sebagai kesinambungan memperkasa dan menyebar luas kesusasteraan Melayu di peringkat global.


SINOPSIS BUKU



WAN ABDUL HALIM
WAN HARUN
Panduan mengurus harta pusaka
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 268ms
ISBN 978-967-369-046-6

Masalah pembahagian harta pusaka adalah salah satu daripada isu semasa dalam masyarakat yang harus diberikan perhatian sewajarnya oleh waris-waris yang terlibat. Buku ini mengandungi empat bahagian yang dimulai dengan asas hukum ilmu faraid. Diikuti oleh bahagian dua yang membincangkan tentang tanggungjawab waris dalam menyelesaikan perkara berbangkit daripada harta peninggalan si mati. Pembaca juga dijelaskan berkenaan konsep dan kaedah pembahagian terbaik dengan mengambil kira sifat-sifat murni yang patut dimiliki oleh setiap waris. Bab akhir mendedahkan tentang permasalahan dalam masyarakat berkaitan dengan urusan pembahagian atau penyelesaian harta pusaka. Adalah penting bagi setiap waris bagi mengetahui asas ilmu faraid ini dalam memudahkan urusan pembahagian harta dan hak masing-masing bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya pertelingkahan atau putusnya hubungan kekeluargaan.

SINOPSIS BUKU




JASNI MATLANI
Panduan menulis cerpen
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 200ms.
ISBN 978-967-369-082-4

Membaca cerpen amat mudah tetapi menulis cepen bukanlah sesuatu yang senang, ini kerana cerpen yang menarik akan memberi kepuasan kepada pembaca. Garapan dan dorongan serta pengalaman penulis menjadikan buku ini sangat menarik untuk dikongsi dengan pembaca di samping menjadikan bidang penulisan sebagai alat menyatupadukan masyarakat melalui sastera dan budaya. Penulis cuba sedaya upaya memberikan penjelasan yang terbaik kepada pembaca cara mendapatkan bahan-bahan untuk dijadikan penulisan. Penerangan mengenai teknik mengolah cerpen serta mengetahui unsur-unsur cerpen seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa, serta sudut pandangan ada dibincangkan. Penulis membicarakan beberapa kelemahan yang biasa berlaku dalam penulisan cerpen dan seterusnya memberi beberapa tips sebelum menghantar karya cerpen kepada penerbit. Adalah menjadi suatu kebahagiaan kepada penulis apabila melihat hasil kayranya dibaca dan dihargai oleh orang lain. Buku ini sesuai dibaca oleh peminat sastera dan calon penulis khususnya para pelajar sekolah menengah dan pelajar institusi pengajian tinggi yang mengambil jurusan penulisan kreatif.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



NOR HAIRUL PALAL,
RAHIMAWATI ABDUL
RAHIM & NOR HASHINA
BAHRUDIN


Panduan pemakanan sihat

Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 186ms.

ISBN 978-967-369-047-3

Mempunyai tubuh badan yang sihat dan cantik menjadi idaman setiap orang di dunia ini. Buku yang mengandungi 186 muka surat ini dapat membantu dalam proses tersebut kerana ianya mengenai amalan pemakanan berdasarkan kepada RDA, RNI dan pengiraan kalori. Amat menarik, ianya turut menjelaskan keperluan nutrien seperti karbohidrat, protein, lemak, vitamin dan mineral yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Buku ini memberi penjelasan akan tugas-tugas yang dijalankan oleh organ yang terdapat dalam badan dan bagaimana sistem pemprosesan makanan berlaku. Ayat keramat iaitu makin makan makin cantik tetapi terlebih makan boleh memudaratkan perlulah di beri perhatian. Dalam buku ini disertakan jadual pengiraan WHR yang dapat membantu dalam pengurusan berat badan. Beberapa contoh pengambilan pemakanan yang sihat dari pelbagai peringkat umur dan contoh penyakit yang perlu perhatian dalam diet turut dimuatkan dalam buku ini. Makanan yang sihat dan selamat merupakan faktor penting dalam rutin harian kita supaya tubuh badan mendapat apa yang diperlukan.

SINOPSIS BUKU



NORAIN ISHAK
Pengantar seni Islam
Melaka : Universiti
Teknologi MARA, 2010.
188ms.
ISBN 978-967-10147-0-7

Seni dalam Islam bukan hanya bersandarkan kepada pandangan zahir semata-mata. Ia cukup indah jika dilihat dalam ruang lingkup yang lebih luas sekiranya ia dilihat dari sudut isi dan falsafahnya. Buku ini membincarakan secara ringkas tentang seni Islam serta beberapa aspek pencapaiannya pada zaman kegemilangannya. Kebanyakan fakta-fakta telah diambil daripada pelbagai rujukan yang berkaitan seni Islam. Karya seni tidak terhasil begitu sahaja tanpa diilhamkan sendiri oleh seniman terhadap diri serta alam semesta yang melingungi dirinya. Oleh itu, kesenian Islam berkait rapat dengan cara hidup pernyataan tentang kepercayaan dan agama. Sebagai contoh, sumber primer yang sentiasa menjadi rujukan adalah kitab suci al-Quran itu sendiri. Al-Quran bukan sahaja dijadikan landasan kepada kegiatan seni itu sendiri bahkan menjadi penyumbang tercetusnya idea-idea bagi seniman Islam. Kesemua hasil kreativiti tersebut telah terbukti menjadi penyumbang kepada ketamadunan Islam semenjak sekian lama.


SINOPSIS BUKU



NIK HASLINDA NIK
HUSSAIN
**Pentadbiran kolonial
dan isu pemilikan tanah
di Kelantan 1881-1941**
Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2011. 224ms.
ISBN 978-967-861-449-8

Buku ini membincangkan mengenai isu tanah dan pertanian di negeri Kelantan sekitar tahun 1881 sehingga 1941. Ia mengupas berkenaan pentadbiran tanah dan sistem hak milik dan diikuti dengan penelitian dalam aspek pendaftaran dan pengukuran tanah, kutipan cukai, usaha tanah serta aktiviti-aktiviti pertanian ketika itu. Buku ini bertujuan untuk memberi pandangan yang bersifat menyeluruh berkenaan hubungan antara zaman kolonial dengan permasalahan tanah yang berlaku di Kelantan. Sebelum Pentadbiran British mentadbir Kelantan pada tahun 1910, negeri Kelantan sudah mempunyai sistem pendaftaran hak milik tanah yang diperkenalkan pada tahun 1881. Tindakan British semasa itu hanyalah memperkemaskan pentadbiran tanah untuk menjadikannya lebih efisen. Masyarakat Kelantan bukan sahaja telah didedahkan dengan peraturan-peraturan tanah, enakmen dan sistem perundangan British, malah kehadiran kolonial British juga telah membawa perubahan kepada aktiviti pertanian sara diri kepada produksi komersial berasaskan getah. Hal ini telah mendatangkan bantahan dan tentangan di kalangan rakyat Kelantan kerana melihatkan bahawa hak warisan mereka semakin terhakis. Undang-undang dan peraturan tanah baru tetap diteruskan walaupun terdapat bantahan oleh rakyat tempatan.


SINOPSIS BUKU



Peranan emosi dan penyakit
Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah Publication,
2011. 253ms.
ISBN 978-983-2672-91-3

Buku ini memberikan kita informasi tentang peranan emosi dan penyakit yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk berhadapan dengan situasi tersebut. Penyakit adalah salah satu bentuk ujian Allah kepada hamba-Nya dalam dunia ini mengikut batasan kemampuan kita untuk mengatasinya. Justeru, kekuatan mental dalam diri pesakit adalah perlu bagi menjalani kehidupan, menerima dugaan melalui penyakit dengan redha serta berfikiran positif. Tenaga positif yang dimiliki mampu memberikan impak positif bukan sahaja kepada diri pesakit sendiri bahkan kepada orang-orang di sekelilingnya. Suasana persekitaran yang penuh ketegangan dipercayai akan melambatkan perkembangan fisiologi, emosi dan akal. Emosi yang tidak terkawal akan menyebabkan tekanan sekaligus menjadi penyebab kepada sistem badan terganggu. Hal ini akan menimbulkan kelemahan biologi, fizikal dan mental.


SINOPSIS BUKU



WINDURA, TONNY
Peta minda : langkah demi langkah
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 216ms.
ISBN 978-967-369-061-9

Buku ini ditulis sebagai bekalan khusus buat semua anak-anak di luar sana yang tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai potensi otak yang luar biasa mempunyai kemampuan yang luar biasa, bahkan ia mempunyai kapasiti yang tidak terbatas. Prinsip peta minda melibatkan kedua belah otak. Peta minda juga sesuai digunakan oleh semua, walaupun cara pemikiran masing-masing berbeza. Hasil kajian menunjukkan yang kita hanya menggunakan potensi otak kurang daripada satu peratus (1%) sahaja dan kapisiti yang lain masih tersembunyi. Keseimbangan dan pengurusan dalam menggunakan otak kiri dan kanan dapat menjadikan seseorang itu 'genius' kerana sama-sama terlibat dalam proses memahami maklumat. Peta minda adalah salah satu sistem *how to learn* yang terpenting dan perlu kita pelajari supaya otak kita dapat digunakan dengan lebih efektif dan efisien dalam proses pembelajaran. Peta minda merupakan asas kepada keseluruhan perkara yang membolehkan seseorang itu mengingati dan memahami semua yang penting. Langkah demi langkah diajar kepada pembaca supaya lebih mudah memahami dan menguasai sistem peta minda ini telah menjadikan buku ini sangat bermanfaat terutamanya kepada pelajar dan orang awam.


SINOPSIS BUKU



COVEY, STEPHEN,
WHITMAN, BOB,
ENGLAND, BRECK
**Predictable results in
unpredictable times =
sukses setiap saat.** Ed.
bahasa Malaysia
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010, 146ms.
ISBN 978-967-369-027-5

Buku ini membincangkan panduan serta langkah-langkah kaedah pengurusan organisasi yang cemerlang. Ia dapat memberi kefahaman terhadap cara-cara terbaik melaksanakan kerja dalam organisasi. Organisasi yang hebat mempunyai matlamat-matlamat yang mudah setelah dikaji berulang kali selain mempunyai sasaran-sasaran yang jelas termasuk ukuran pencapaian. Buku ini berkisar bagaimana mencapai kejayaan yang diramalkan dalam keadaan baik ataupun tidak. Ia juga memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip utama yang perlu diamalkan dan juga pelan bagi membantu pembaca mengaplikasinya. Hal ini kerana banyak organisasi tidak mempunyai objektif yang jelas telah menyebabkan para pekerja gagal mencapai kejayaan dalam kerja serta organisasi tidak mendapat keuntungan.

SINOPSIS BUKU



AHMAD KAMAL
ABDULLAH
Puisi Melayu puisi dunia
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2011. 357ms.
ISBN 978-983-46-0638-1

Puisi Melayu Puisi Dunia memaparkan kajian intelektual tentang dunia puisi Melayu dan perbandingannya dengan puisi penyair ternama dunia. Buku ini mengungkapkan perspektif perbandingan karya puisi penyair Melayu dengan puisi penyair antarabangsa. Dalam acara antarabangsa penyair Melayu diundang sama ada terlibat dalam seminar, kursus, penulisan atau acara Baca Puisi Antarabangsa. Puisi Melayu mula didengarkan, diteliti dan dibincangkan oleh peminat, penyair dan profesor puisi. Puisi Melayu juga diterjemahkan ke pelbagai bahasa dan ini adalah satu petanda bahawa penyair Melayu wajar mendapat tempat dalam wadah kesusastraan dunia. Penyair Melayu wajar membawa puisi Melayu ke tengah-tengah pentas puisi dunia secara bandingan dengan penyair dunia dan membicarakan masalah, sasaran dan tindakan oleh penyair untuk memartabatkan puisi Melayu.


SINOPSIS BUKU



JONATHAN SIDI
Remaja kreatif luar biasa
Batu Caves, Selangor :
PTS Millennia, 2010.
240ms.
ISBN 978-967-5564-66-6

Buku ini ditulis untuk memperbetulkan salah faham berkaitan kreativiti. Selama ini kita menyangka yang kreativiti adalah bakat semula jadi. Pandangan yang mengatakan apabila kita tidak memiliki bakat kreatif, pasti kita tidak dapat berfikir secara kreatif ternyata adalah tidak benar. Remaja yang kreatif biasanya mampu mencapai idea-idea baru dan merupakan remaja yang berjaya. Remaja yang kreatif dapat menjana pemikiran yang melampaui daripada apa yang diperlukan. Seseorang yang mempunyai idea yang kreatif mudah membuat keputusan untuk menyelesaikan segala masalah dan memberi kesan positif dalam jangkamasa yang panjang. Menyenaraikan kelebihan, kelemahan dan tarikan atau keunikan yang ada dalam sesuatu perkara dapat membantu mendapatkan suatu keputusan yang baik selaras dengan tujuan, matlamat dan objektif perkara tersebut di samping contoh-contoh yang sesuai telah diadaptasi oleh penulis dalam tulisannya. Paling menarik buku ini memberikan tip enam topi berfikir, yang merupakan asas kepada konsep berfikir yang dikongsi penulis untuk tatapan pembaca dari formula Dr. Edward de Bono dan apakah alat berfikir serta pelbagai teknik berfikir yang disarankan untuk melahirkan remaja yang berkualiti.


SINOPSIS BUKU



MOHD KAMEL IDRIS
Stres seorang usahawan
Kajang, Selangor : MKI
Pub., 2010. 152ms.
ISBN 978-967-10111-1-9

Buku ini diterbitkan berdasarkan pengalaman stres seorang usahawan yang berhadapan dengan situasi ekonomi dan sosio-politik yang semakin sukar diramal. Penulis juga pernah gagal dalam cubaan untuk bermiaga. Maka atas dasar ini penulis cuba menyelami emosi negatif, iaitu stres di kalangan usahawan dan mencadangkan beberapa kaedah untuk mengurangkannya. Diharapkan dengan sedikit pengalaman ini dapat membantu para usahawan melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam usaha untuk mengurus stres pada tahap optimum. Walaupun buku ini tidak berupaya menawarkan semua penyelesaian kepada semua masalah psikologi kepada usahawan, sekurang-kurangnya penerangan dan kaedah-kaedah yang dibincangkan dalam buku ini boleh membuka laluan kepada sesuatu penyelesaian. Buku ini layak digunakan sebagai buku ilmiah, berdasarkan teori-teori, bukti-bukti dan kupasan yang menarik dan seterusnya sesuai untuk dijadikan bahan rujukan oleh pelajar-pelajar siswazah dan lepasan siswazah untuk kerja kursus dan penyelidikan mereka.

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD TEJA
Tak payah sombong pun tak apa
Setapak, Kuala Lumpur :
Al-Ameen Serve Holdings,
2011. 153ms.
ISBN 978-967-362-074-6

Buku ini memuatkan koleksi cerita pendek untuk bacaan umum. Ia mengandungi sebanyak 23 cerita yang ditulis oleh Muhammad Teja yang berkisar mengenai manusia biasa dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Kebanyakan cerpen dalam buku ini adalah merupakan catatan peribadi atau pengalaman hidup penulis sendiri. Cerpen-cerpen yang dimuatkan di dalam buku ini pernah disiarkan di majalah Tunas Cipta dan Jendela Utara. Tak payah sombong pun tak apa digunakan sebagai tajuk adalah salah satu daripada cerpen yang dimuatkan di dalam buku ini. Cerpen ini menceritakan kehairanan penulis dengan sikap segelintir manusia yang sombong semata-mata untuk menunjukkan dirinya lebih bagus daripada orang lain.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ABD RAHMAN
**Ubat daripada sumber
babi dan pilihan
alternatif**

Kuala Lumpur : H Science
Solution, 2010. 265ms.
ISBN 978-967-10060-0-9

Buku ini memberi pendedahan dan panduan kepada pembaca bagi menghadapi isu penggunaan sumber babi di dalam ubat-ubatan dan permasalahan yang berkaitan dengannya. Produk ubat-ubatan seperti vaksin, ubat pembedahan, kencing manis dan sakit jantung disyaki mengandungi bahan-bahan yang tidak halal. Meskipun Islam memberi kelonggaran sementara untuk mengambil ubat yang mengandungi sumber haram dalam keadaan darurat, namun bagi pesakit yang menitik beratkan soal halal dan haram, mereka berhak untuk mengetahui dan membuat keputusan untuk menerima atau menolak ubat tersebut. Selain menyenaraikan 90 jenis ubat yang mengandungi sumber babi dan pilihan alternatif yang ada, buku ini juga menerangkan pendapat-pendapat ulama serta fatwa-fatwa perubatan terkini yang dikeluarkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



GHAZZALI
Wahai anakku yang tercinta
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,
2011. 98ms.
ISBN 978-983-097-276-3

Buku ini adalah sebuah karya indah yang termasuk dalam salah sebuah kitab di dalam senarai kitab-kitab yang diterbitkan oleh Lajnah Antarabangsa Bagi Penterjemah Hasil-Hasil Karya Indah yang telah disepakati antara UNESCO dan Kerajaan Lubnan bertarikh 6 Disember 1948. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk menerangkan persoalan-persoalan dan amalan-amalan tasawuf, membimbing para pembaca memahami konsep dan teori tasawuf dan memperkenalkan karya-karya tasawuf yang muktabar dan tokoh-tokohnya yang berwibawa. Buku ini juga memberi peluang kepada para pembaca menghayati amalan-amalan dan menjauhkan kita daripada ajaran-ajaran sesat untuk keselamatan dunia dan akhirat. Karya ini mempunyai dan mendapat sambutan istimewa oleh penggemar dan pencinta ilmu tasawuf. Ia dibaca berulang kali, difahamkan isi kandungannya dan dijadikan pengajaran dan hikmah sebagai pedoman hidup. Karya ini juga telah diterjemahkan ke beberapa bahasa termasuk bahasa Perancis. Buku ini mengandungi mutiara-mutiara nasihat daripada Imam Al-Ghazali yang tidak ternilai.